

08/12/1998

Nazri kesal Pas percaya Soros

reports on "Dewan Rakyat" by Fazli Abdullah
KERAJAAN dukacita kerana parti pembangkang lebih percayakan pihak asing seperti George Soros berbanding Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Nazri Aziz.

Menjawab soalan tambahan Wan Mohd Jamin Wan Mahmood (Pas-Tumpat), Nazri berkata beliau hairan bagaimana Pas sebagai sebuah parti Islam boleh percayakan kata-kata orang Yahudi.

"Macam mana Islam percayakan Yahudi, ini semua penipuan yang dibuat oleh Soros. Kita semua kenal Soros yang membuat tuduhan membabi buta.

"Saya amat dukacita, sebagai ahli parti Islam sanggup tidak percayakan kepada Perdana Menteri tetapi percaya kepada Soros iaitu orang Yahudi yang kita tahu sentiasa berusaha menghancurkan kita," katanya.

Wan Mohd Jamin ingin penjelasan Nazri berhubung dakwaan Soros kononnya masalah di Malaysia berpunca daripada Perdana Menteri yang mahu menyelamatkan keluarga dan rakannya dan desakan pedagang mata wang antarabangsa itu supaya bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dibebaskan.

Menjawab soalan asal Ibrahim Mahmood (Pas-Kuala Krai), Nazri menafikan dakwaan kononnya Umno dan Barisan Nasional (BN) sengaja mengadakan pertikaian dengan Singapura untuk mengalih pandangan rakyat terhadap kegawatan ekonomi.

Katanya, kerajaan tidak perlu mencipta alasan seperti itu untuk mengalihkan pandangan rakyat.

"Sebenarnya, pembangkang yang tidak ada modal untuk mengaburi mata rakyat," katanya.

(END)